



# BAB 4



## BAB 4

### KEBERKESANAN PENGAJARAN *TAWHĪD* DI MUAR

#### 4.1: Pendahuluan

Sesuai pengajaran yang disampaikan oleh pengajar itu tidak akan berkesan sekiranya tiada apa-apa perubahan yang ketara kelihatan kepada diri jemaah atau pendengar. Perubahan tersebut boleh dilihat sama ada dari segi sikap, tutur kata, tindakan, amalan ataupun penghayatan mereka. Proses setiap perubahan tersebut mengambil masa tertentu bagi melakarkan sesuatu kejayaan dan keberkesanan pengajaran.

Hasil daripada proses dan analisis data soalselidik yang dijalankan mendapati bahawa secara keseluruhannya pengajaran *tawhīd* di Muar Johor tetap mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk Islam setempat. Perbincangan dalam bab empat ini menjelaskan dua faktor utama iaitu faktor kemanusiaan dan faktor peralatan yang menjadi paksi untuk menarik kehadiran dan menyuntik semangat jemaah serta mengekalkan sambutan para pendengar kuliah pengajaran *tawhīd* setiap kali ia dilaksanakan.

adalah suatu wadah murni untuk memenuhi masa terluang kepada golongan yang dimaksudkan.

Penemuan kajian mendapati bahawa terdapat dua faktor yang menggalakkan sambutan pengajaran *tawhīd* di Muar iaitu:

#### 4.2. ( a ) Faktor Kemanusiaan

Peranan yang dimainkan oleh setiap manusia amat besar maknanya ke arah melakarkan kejayaan sesuatu program pengajaran keagamaan. Penumpuan ini tidak terkecuali kepada program pengajaran *tawhīd* yang sedang beroperasi di daerah Muar Johor. Manusia telah menjadi parameter penentu kepada kejayaan program ini. Penglibatan manusia lebih banyak berkisar kepada kebijaksanaan, pengalaman, kewibawaan, kebolehan dan ketokohan mereka untuk memikat, mengikat dan memukau para jemaah bagi mengikuti pengajaran *tawhīd* dari satu tajuk kepada satu tajuk berikutnya tanpa wujud rasa jemu dan bosan. Di bawah rangkaian pakej faktor kemanusiaan terdapat lapan ( 8 ) fakta sokongan yang telah memberi saham dari segi sambutan bagi merealisasikan pengajaran *tawhīd* di daerah ini, ia dapat dijelaskan seperti berikut:

##### 1. Pengalaman Mengajar

Hasil daripada kajian mendapati bahawa terdapat seramai 4 orang atau 11.4 % guru *tawhīd* di daerah ini telah berkhidmat melebihi 50 tahun.

Menurut Hj Abd Rahim Rejo, beliau merupakan generasi terawal yang berkecimpung dengan pengajaran *tawhīd* sejak tahun 1941.<sup>1</sup> Malah beliau merupakan salah seorang tenaga pengajar yang paling tua terlibat dan masih berkhidmat sehingga sekarang. Penemuan kajian juga mendapati 14 orang atau 40 % pengajar yang terbabit dalam pengajaran *tawhīd* telah berkhidmat melebihi 40 tahun. Sementara yang selebihnya pernah berkhidmat di bawah 20 tahun.

Berdasarkan kepada keterangan ini jelas menunjukkan bahawa pengalaman mengajar mereka yang begitu luas dan lama telah menjadi daya penarik dan pemangkin utama kepada proses perkembangan pengajaran *tawhīd* dari dahulu hingga sekarang. Justeru tidak hairanlah pengalaman yang tersenarai di bawah faktor kemanusiaan telah berjaya menarik sokongan dan sambutan daripada para jemaah terhadap keberkesanan pengajaran *tawhīd*.

Keberkesanan pengajaran lebih banyak bergantung kepada ketokohan dan pengalaman tenaga pengajar yang terlibat. Justeru pengalaman luas diikuti pendedahan ilmu yang pelbagai merupakan gandingan mantap yang

---

<sup>1</sup> Wawancara penulis dengan beliau di rumahnya di Jalan Jonid Muar, pada 15.9.98.

perlu disebatikan ke dalam jiwa pengajar agar kuliah yang mereka sampaikan itu berkesan seterusnya mendapat sambutan yang membanggakan.

## 2. Kewibawaan Pengajar

Isu sambutan dan tarikan pengunjung ke kuliah pengajaran *tawhīd* tetap dikaitkan dengan faktor kewibawaan pengajar berkenaan. Penemuan kajian mendapati 23 orang atau 66.7 % pengajar *tawhīd* yang memberi sumbangan khidmat kepada penduduk Islam setempat. Pengajar yang terlibat terdiri daripada pesara kerajaan yang dikenalpasti pernah berkhidmat sebagai guru agama di sekolah-sekolah agama di Negeri Johor. Sementara 9 orang atau 25.7 % pengajar *tawhīd* terdiri daripada guru-guru agama yang masih bertugas di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), manakala 3 orang atau 8.6 % lagi pengajar yang terbabit terdiri daripada pegawai agama kerajaan. Mereka ini bertugas sebagai pengelola agama daerah, kadi daerah, pegawai dakwah dan seumpamanya .

Faktor usia turut dikaitkan juga dengan kewibawaan pengajar. Ia dianggap sebagai faktor sampingan menyuntik semangat dan menjana sambutan orang ramai setiap kali pengajaran ini diadakan. Penemuan kajian mendapati tiada seorang pun atau 0 % pengajar *tawhīd* yang terlibat berumur

di bawah 40 tahun. Ini bermakna majoriti pengajar yang terbabit berumur 40 tahun ke atas dan data kajian mendapati juga 31 orang atau 86.6 % pengajar berusia melebihi 50 tahun. Ia sekaligus menampakkan kematangan pengajar yang terlibat dengan program pengimarahannya ini.

Sekiranya diperhatikan secara teliti ternyata faktor pekerjaan dan kewibawaan tenaga pengajar telah berjaya mendominasi minat orang ramai mengikuti pengajaran *tawhīd*. Kewibawaan yang ditonjolkan oleh pengajar mampu menarik, menyuntik dan menyerlahkan kehadiran para jemaah. Kondisi ini telah menyemarakkan dan menceriaikan lagi program pengajaran *tawhīd* yang sedang beroperasi di daerah Muar.

### 3. Peranan Ahli Jawatankuasa Masjid

Program pengimarahannya masjid tidak akan berjaya sekiranya tiada usaha-usaha positif ke arah itu. Ahli jawatankuasa masjid dilihat sebagai individu contoh yang paling hampir untuk diteladani. Mereka berupaya menanamkan sifat positif ke dalam jiwa setiap pengunjung. Sekiranya pentadbiran sesebuah masjid itu kemas, teratur dan sistematik sudah tentu aktiviti masjid turut tersusun dan berkembang selari dengan keaktifan jawatankuasanya.

Selain faktor pengalaman dan kewibawaan pengajar, kajian mendapati juga peranan ahli jawatankuasa masjid tidak kurang hebatnya untuk sama-sama berkongsi cara menarik dan merangsang minat para pengunjung ke kuliah pengajaran *tawhīd*. Analisis kajian mendapati 17 orang atau 48.6% bersetuju agar ahli jawatankuasa masjid dapat menunjukkan teladan yang baik kepada jemaah. Hal ini bertepatan dengan gesaan dan gambaran Allah dalam firman-Nya<sup>1</sup>,

كبر مقتا عند الله ان تقولوا ما لا تفعلون

*Maksudnya: Amat besar kebenciannya di sisi Allah, kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya.*

Keterangan ayat di atas meminta semua pihak termasuk ahli jawatankuasa masjid mengotakan segala bentuk tindakan yang telah mereka putuskan. Bentuk teladan itu boleh diserlah dan diaplikasikan dengan cara sama-sama hadir seterusnya mendengar pengajaran *tawhīd* termasuk aktiviti-aktiviti keagamaan lain setiap kali ia diadakan. Dengan langkah dan teladan seperti ini para jemaah dapat meniru contoh unggul yang telah diperkenalkan oleh ahli jawatankuasa masjid dan ia sekaligus dapat menarik sambutan jemaah menyertai program pengajaran *tawhīd*.

---

<sup>1</sup> Al-Qur'ān, Surah as-Ṣaff, (61): 3.

#### 4. Huraian Isi Mengikut Citarasa Semasa

Pengolahan, pengupasan dan penghuraian setiap isi pengajaran *tawhīd* yang disampaikan berperanan untuk menarik perhatian pengunjung. Justeru pengajar perlu mempelbagaikan teknik penyampaian mereka supaya setiap kupasan tersebut menepati citarasa para pengunjung dan pendengar. Penemuan kajian mendapati 35 orang atau 100 % responden menggunakan pendekatan dan huraian semasa ketika menghuraikan sesuatu persoalan *tawhīd* yang dibincangkan. Bagaimanapun asas perbincangan mereka masih berpandukan kepada teks rujukan asal. Pendekatan dan huraian seumpama ini lebih menepati selera semua pengunjung sama ada golongan muda dan tua. Ia sekaligus berupaya menolak sikap dingin dan acuh tak acuh di kalangan jemaah.

Berdasarkan kepada pendekatan dan bentuk huraian yang diamalkan ini ia boleh menjadi daya penarik, pencetus minat dan memenuhi selera pendengar untuk terus menyertai kuliah *tawhīd* semasa ia diadakan di kariah mereka. Dengan cara ini sekali lagi faktor kemanusiaan terus berperanan dan menguasai masyarakat Islam setempat untuk menyokong pelaksanaan pengajaran *tawhīd*.



## 5. Komunikasi Dua hala

Keberkesanan sesuatu pengajaran itu berkait rapat dengan metode penyampaian. Lantaran itu komunikasi dua hala dianggap sebagai salah satu faktor pemangkin yang telah berjaya merangsang minat jemaah untuk menyokong pengajaran *tawhīd*. Justeru para pendengar diberi banyak peluang untuk mengemukakan persoalan bagi menjamin keberkesanan sesuatu topik yang dibicarakan. Oleh itu komunikasi dua hala yang diamalkan oleh tenaga pengajar merupakan wadah terbaik untuk menyelesaikan segala persoalan yang terbuku di minda pendengar.

Penemuan kajian mendapati 34 orang atau 97.1 % responden mengamalkan komunikasi dua hala semasa menyampaikan pengajaran mereka. Dalam konteks ini pendengar boleh mengajukan sebarang pertanyaan yang kurang jelas pada bila-bila masa tanpa menunggu di akhir perbincangan. Teknik dan pendekatan seumpama ini boleh menyelesaikan banyak masalah yang dihadapi pengunjung. Kaedah komunikasi dua hala yang diperkenalkan ini mampu menceriakan hati pengunjung. Ia sekaligus dapat memberi kefahaman yang jitu tentang sesuatu persoalan yang dibicarakan. Justeru faktor kemanusiaan tetap menjadi nadi utama kepada keberkesanan program ini.

## 6. Kesesuaian Waktu Mengajar

Faktor kesesuaian waktu mengajar juga dilihat sebagai suatu usaha untuk menarik kunjungan orang ramai menghadiri pengajaran *tawhīd* di masjid-masjid. Sekiranya waktu mengajar tersebut disusun mengikut kelapangan tenaga pengajar tanpa mengambil kira kelapangan jemaah, sudah pasti ia tidak akan mendapat sambutan yang memuaskan daripada pengunjung.

Penemuan kajian mendapati seramai 27 orang atau 77.1 % responden yang terlibat dalam pengajaran *tawhīd* di daerah ini menyampaikan pengajaran mereka selepas salat maghrib. Kebiasaannya ahli jawatankuasa masjid yang terbabit menyusun jadual harian atau mingguan bagi memberi peluang kepada kaum lelaki dan wanita mengikutinya. Majoriti kaum lelaki sama ada tua atau remaja kebiasaannya waktu siang mereka tidak berkesempatan hadir kerana masing-masing mempunyai tugas atau masih berada di sekolah. Data kajian menunjukkan bahawa 8 orang atau 22.9 % pengajar yang terlibat mengajar selepas waktu zohor. Sebenarnya waktu ini dihaskan untuk kaum wanita atau perempuan.

Berdasarkan kepada keterangan ini dapatlah dikatakan bahawa waktu yang sesuai untuk para jemaah memperkuat lagi faktor kemanusiaan

yang dibicarakan. Pendekatan sedemikian telah menyerlahkan keberkesanan pengajaran *tawhīd* di daerah ini.

## 7. Penjadualan Waktu Yang Bersistem

Faktor penjadualan waktu mengajar yang sistematik turut menyumbang aset terpenting ke arah meraih kunjungan orang ramai untuk mengikuti program pengimarahannya masjid. Kenyataan ini sekaligus menyokong faktor kemanusiaan yang dibincangkan. Penemuan kajian mendapati seramai 30 orang atau 85.7 % responden bersetuju merumuskan bahawa berkat usaha gigih dan inisiatif daripada ahli jawatankuasa masjid telah menyediakan dan menyusun jadual waktu mengajar yang sistematik untuk tenaga pengajar. Penyediaan jadual waktu mengajar tersebut dibuat melalui dua cara iaitu,

**Pertama:** Berbentuk tulisan yang dipamerkan di papan putih atau papan kenyataan masjid.

**Kedua :** Berbentuk lisan iaitu pengumuman oleh ahli jawatankuasa masjid yang bertugas sebelum khatib menyampaikan khutbah.

Penyusunan jadual ini dibuat untuk tempoh mingguan ataupun bulanan mengikut tarikh, hari, pengajar yang terlibat serta bidang yang akan disampaikan.

Analisis kajian juga menunjukkan seramai 5 orang atau 14.3 % responden bersependapat mengatakan walaupun ahli jawatankuasa masjid tidak menyediakan jadual secara bertulis namun ia tidak bererti mereka tidak mengajar *tawhīd*. Sebaliknya ahli jawatankuasa yang bertugas akan membuat pengumuman mengenai aktiviti kelas agama yang dijalankan untuk tempoh seminggu melalui mimbar Jumaat.

Penjelasan ini memperteguhkan sumbangan faktor kemanusiaan dalam usaha memperkemas perjalanan pengajaran *tawhīd* secara sistematik. Dalam hubungan ini ia memberi kemudahan dan keselesaan kepada orang ramai untuk datang mengikuti kuliah *tawhīd* dengan berpandukan kepada jadual yang ditetapkan. Pendekatan seumpama ini berupaya meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran *tawhīd* seperti yang telah dirancang sehingga mencapai ke matlamatnya.

#### 8. Pendedahan Kursus Kepada Pengajar

Pengajar terlatih tetap menjadi pemangkin kepada kunjungan dan sambutan yang memberangsangkan dalam pelaksanaan pengajaran ini. Konsep terlatih dalam ertikata yang luas ialah di mana pengajar tersebut mampu mengolah, mengupas, menghurai, mencerakin dan menghubungkan di antara satu isu kepada suatu isu berikutnya secara

baik dan efektif. Teknik dan cara yang mereka miliki ini mampu pula di huraikan kepada para pengunjung dengan menggunakan gaya bahasa yang mudah, menghibur, mempersona dan memukau perhatian jemaah sehinggakan mereka tidak jemu atau bosan untuk mengikutinya pada kesempatan yang lain. Kesemua ciri yang disenaraikan akan nampak lebih terserlah sekiranya pengajar berkenaan pernah mendapat pendedahan mengikuti kursus-kursus komunikasi dan teknik penyampaian berkesan.

Analisis kajian mendapati seramai 27 orang atau 77.1 % responden bersetuju merumuskan bahawa mereka pernah menjalani kursus sedemikian yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Johor ( JAIJ ). Menerusi pendedahan seumpama ini pengajar mampu berperanan untuk menyampaikan pengajaran *tawhīd* mereka secara baik dan berkesan. Mereka boleh mengaplikasikan pelbagai teknik sebagai pendekatan untuk menjana dan mengikat minda jemaah ketika menyampaikan pengajaran *tawhīd*.

Berdasarkan kupasan tersebut dapat dirumuskan bahawa faktor kemanusiaan yang telah menjadi paksi keberkesanan pengajaran yang dibicarakan, malahan ia dianggap sebagai pemangkin utama kepada siri-siri sambutan pengajaran untuk masa ini dan akan datang.

#### 4.2 ( b ) : Faktor Peralatan

Faktor peralatan juga dianggap tidak kurang pentingnya malah ia dianggap sebagai faktor pelengkap kepada faktor kemanusiaan yang dibicarakan sebelum ini. Kedua-dua faktor ini saling berkongsi elemen ke arah menjana dan menyuntik kehadiran para jemaah. Malah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kedua-dua faktor ini diibaratkan sebagai suatu rel atau landasan berkembar yang amat sukar dipisahkan bagi mencapai matlamat yang sama seperti dirancang.

Kajian analisis menemui terdapat tiga cara telah digunakan secara meluas oleh pengajar di sepanjang penyampaian mereka. Faktor peralatan ini mereka gunakan bertujuan untuk menyokong dan memperkukuhkan hujah yang dibincangkan. Dalam hubungan ini ia dapat menjadi daya penarik dan pencetus motivasi tersendiri kepada orang ramai untuk terus hadir mengikutinya. Fakta yang menyokong faktor peralatan dapat diuraikan seperti berikut:

## 1. Menggunakan Alat Bantuan Mengajar

Setiap pengajar yang terlatih berpeluang menerapkan pelbagai teknik penyampaian yang dimiliki sebagai metode pendekatan ke arah memberi kefahaman jitu kepada jemaah terhadap sesuatu isu yang dibincangkan. Penggunaan peralatan secara maksimum seperti papan putih, pembesar suara, 'slide' , 'over head projector' dan memberi contoh melalui gambarajah yang dipamerkan turut menyumbang aset sampingan yang paling berharga untuk merangsang kefahaman para jemaah.

Penemuan kajian mendapati 10 orang atau 28.5 % responden bersetuju supaya pengajar mampu menguasai ilmu teknologi maklumat secara baik dan berkesan. Penggunaan peralatan seperti papan putih dan pembesar suara dianggap sebagai salah satu daripada mekanisme yang mampu menghindarkan salah tanggapan jemaah terhadap sesuatu isu yang dibincangkan. Dalam hubungan ini ia dapat memberi peluang dan kesempatan kepada jemaah untuk mencatat intipati isu yang diperbahaskan.

Berdasarkan kepada keterangan ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan alat bantuan mengajar secara meluas dapat merangsang minat dan perhatian jemaah terhadap sesuatu isu yang disampaikan. Kenyataan ini seolah-olah mengukuhkan lagi faktor peralatan yang dibicarakan.

Penggunaan peralatan seumpama ini merupakan satu mekanisme untuk menarik kehadiran orang ramai bagi mengikuti perjalanan pengajaran *tawhīd* di daerah ini.

## 2. Nota Edaran

Menyediakan nota ringkas panduan isi kandungan pengajaran untuk tujuan edaran dikenalpasti sebagai salah satu mekanisme yang dapat menarik perhatian jemaah ke kuliah pengajaran *tawhīd*. Penemuan kajian mendapati 6 orang atau 17.1% responden bersetuju agar pengajar membuat nota ringkas untuk diedarkan kepada para jemaah yang mengikuti pengajarannya. Kenyataan ini turut disokong oleh Hj Ahmad Tunggal, guru agama pakar Maktab Rendah Sains Mara Muar<sup>1</sup>, yang mengatakan bahawa dengan pendekatan seumpama ini para jemaah dapat dimotivasi dan dirangsang untuk terus hadir setiap kali kuliah dilaksanakan.

Sehubungan dengan ini sekiranya seseorang jemaah itu tidak dapat hadir pada hari pengajaran diadakan, ia akan merasa suatu kerugian kerana nota berkenaan tidak diedarkan semula untuk minggu berikutnya. Dengan kaedah ini para jemaah dapat sama-sama menyemak dan menghalusi intipati bahan perbincangan secara teliti. Malahan bahan edaran tersebut boleh

---

<sup>1</sup> Wawancara Penulis dengan beliau di rumahnya di Pt Sakai Darat, Jln Temenggung Ahmad Muar, pada 3.10.1998.



dijadikan koleksi yang paling berharga untuk rujukan pada masa akan datang.

Berdasarkan kepada mekanisme yang ditemui ini tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kaedah dan teknik pelbagai yang diperkenalkan oleh pengajar mampu melonjakkan kunjungan jemaah seterusnya menceriakan suasana pengajaran dan pembelajaran *tawhīd* yang dimaksudkan.

### 3. Khutbah Khas Untuk Menarik Pendengar *Tawhīd*

Kaedah penyampaian sesuatu pengajaran boleh dipelbagaikan. Justeru khutbah jumaat merupakan media lisan yang paling berkesan untuk menarik kehadiran orang ramai seterusnya meningkatkan keberkesanan pengajaran. Pengumuman aktiviti keagamaan melalui mimbar jumaat amat sesuai diamalkan kerana ia boleh memberi impak positif kepada jemaahnya. Tambahan pula hari tersebut merupakan hari perhimpunan rasmi mingguan bagi umat Islam. Dalam konteks ini Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) telah pernah mengeluarkan teks khutbah berkenaan untuk dibaca di seluruh masjid Negeri Johor pada 5 Mei 1995.<sup>1</sup> Khutbah ini telah dibaca serentak pada tarikh tersebut meliputi hampir 100 % masjid yang mendirikan jumaat.

---

<sup>1</sup> Teks khutbah Jumaat : "Memakmurkan Masjid Dan Surau", JAIJ, 1995, h. 1 - 4.

Kenyataan ini telah disokong oleh Hj Abd Rahman Bakri, Imam Masjid Jamik Serom 4, Muar yang mana beliau terlibat sebagai khatib pada hari itu.<sup>1</sup>

Penyediaan dan pembacaan khutbah khas ini bertujuan untuk merangsang dan menyuntik minat jemaah agar mereka sama-sama terlibat dengan program pengimarahannya masjid yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan. Analisis kajian mendapati 27 orang atau 77.1% responden menyatakan sepanjang khidmat mereka sebagai pengajar *tawḥīd* purata sambutan orang ramai kadangkala melebihi 30 orang. Hasil daripada saranan pembacaan khutbah tersebut dapatlah dirumuskan bahawa kunjungan orang ramai tetap membanggakan. Malahan pembacaan khutbah sebagai alat komunikasi telah berjaya merubah paradigma masyarakat Islam setempat untuk datang mengikuti sebarang aktiviti keagamaan yang diadakan di masjid.

Berpandukan kepada tiga penemuan metode atau mekanisme yang diterapkan oleh pengajar, ia mampu menyokong faktor peralatan yang dibincangkan. Dalam konteks keberkesanan pengajaran *tawḥīd* faktor peralatan dianggap pemangkin kepada faktor kemanusiaan sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini. Kedua-duanya saling lengkap dan melengkapkan untuk mencernakan keberkesanan yang hakiki lagi unggul.

---

<sup>1</sup> Wawancara Penulis dengan beliau di Pejabat Kadi Muar, pada 3.10.1998.

### 4.3 : Cara-Cara Untuk Mempertingkatkan Pengajaran *Tawhīd*

Setiap individu, masyarakat dan rakyat di negara ini inginkan kepada kecemerlangan. Sesuatu kecemerlangan itu tidak akan terukir dengan mudah jika sekiranya individu tersebut tidak ditanamkan dengan sifat-sifat positif seperti tekun, gigih, dedikasi, komited, dinamik, sanggup membuat reformasi, kerjasama, rela dikritik, pengorbanan dan sifat-sifat lain seumpamanya. Inilah senarai ramuan yang perlu dimiliki oleh setiap individu atau ahli jawatankuasa masjid yang ingin mengukir kecemerlangan yang diimpikan. Sekiranya kesemua ramuan ini dapat disebutkan kecemerlangan yang dihajati itu akan terserlah.

Hasrat setiap pengajar *tawhīd* ingin untuk melihat pelaksanaan pengajaran ini benar-benar berjaya. Justeru beberapa pendekatan sepadu telah dilaksanakan oleh pengajar seperti berikut:

#### 1. Pengajar Mampu Menggunakan Alat Bantuan Mengajar ( ABM )

Kewibawaan dan kemahiran individu pengajar turut menjadi aset penting untuk menjana kehadiran jemaah ke masjid. Justeru kemahiran dari segi olahan, kupasan, huraian, pendekatan yang menarik, menghibur, memukau dan berkesan telah berjaya menambat hati pendengar *tawhīd*. Era

maklumat yang bersifat globalisasi sekarang telah mendesak semua pihak termasuk pengajar *tawhīd* untuk menggunakan apa juga peralatan bantuan mengajar agar ia seiring dengan zaman.

Penggunaan alat bantuan mengajar seperti pembesar suara, papan putih, nota ringkas, 'slide', 'over head projector', televisyen, komputer dan seumpamanya merupakan gambaran kepada zaman teknologi maklumat yang bersifat globalisasi. Kondisi inilah yang telah mendesak supaya pengajar menjadi insan yang serba boleh dengan menggunakan alat bantuan mengajar secara baik dan efektif agar penyampaian mereka itu berupaya memenuhi citarasa pendengar. Sebenarnya penggunaan alat bantuan mengajar ini bertujuan untuk pengukuhan sesuatu pengajaran yang disampaikan.

Analisis kajian mendapati 10 orang atau 28.5 % responden bersependapat mengatakan agar alat bantuan mengajar ini dapat digunakan secara meluas semasa pengajaran *tawhīd*. Mereka beranggapan penggunaan ABM amat sesuai untuk menjadi daya penarik dan alat motivasi kepada jemaah. Kelainan dari segi pendekatan yang ditonjolkan oleh pengajar sekurang-kurangnya berjaya menambat hati para jemaah untuk mengikuti program pengajaran ini. Sebaliknya jika pengajar gagal memahami perasaan dan kurang berinovatif membuat perubahan kemungkinan pengajaran *tawhīd* tidak akan berjaya bertahan sehingga

sekarang. Tambahan pula jemaah yang hadir menginginkan kelainan sama ada dari segi olahan, kupasan, huraian dan pendekatan. Di samping itu jika boleh ia perlu diperkukuh dan diperteguhkan dengan alat bantuan mengajar.

Berdasarkan keterangan ini dapatlah dikatakan bahawa jika inilah bentuk dan acuan yang ingin diterapkan oleh pengajar sudah pasti perasaan jemu, bosan dan kurang memberi perhatian akan hilang. Sebaliknya akan lahirlah perasaan minat, peka dan memberi tumpuan ketika pengajaran dilaksanakan. Malah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa mereka akan suka rela menjadi tenaga penggerak untuk mengempen bagi tujuan menambah bilangan pengunjung yang telah sedia ada.

## 2. Ahli Jawatankuasa Masjid Mesti Jadi Teladan

Perjalanan aktiviti sesebuah masjid itu akan lebih berdaya maju dan berdaya saing sekiranya pentadbiran masjid berkenaan diterajui oleh ahli jawatankuasa yang benar-benar berminat, berwibawa dan berinovatif. Penemuan kajian mendapati seramai 17 orang atau 48.6 % pengajar *tawhīd* bersetuju agar ahli jawatankuasa masjid yang dilantik mampu dijadikan model contoh sama ada dari segi tanggungjawab, akhlak dan bentuk tindakan positif yang diambil. Mereka diibaratkan sebagai cermin masyarakat Islam setempat. Penampilan setiap kali ke kuliah *tawhīd* dan aktiviti keagamaan

mampu ditiru oleh orang ramai dan dapat menarik para jemaah lain. Justeru pelbagai formula dan mekanisme telah mereka cuba bagi tujuan untuk merangsang dan menyuntik orang ramai menyertai pengajaran *tawhīd* serta aktiviti-aktiviti lain keagamaan yang diadakan di masjid-masjid kariah masing-masing.

Ahli jawatankuasa sesebuah masjid mesti aktif merangka seberapa banyak langkah positif yang boleh menambah bilangan pengunjung setiap kali diadakan pengajaran *tawhīd*. Antara langkah tersebut ialah kekerapan pemakluman tentang perjalanan kelas pengajaran *tawhīd*. Pemberitahuan jadual pengajaran *tawhīd* boleh dibuat melalui mimbar jumaat dan diperbanyakkan lagi menerusi tulisan berbentuk poster, risalah yang ditampal di papan kenyataan, di kedai runcit atau minuman bagi tujuan menarik orang ramai datang mengikuti pengajaran ini.

Sekiranya usaha-usaha seumpama ini dapat dilaksanakan secara maksimum dan berterusan sudah semestinya maklumat mengenai perjalanan pengajaran *tawhīd* itu menyeluruh dan dapat diketahui oleh orang ramai. Andainya ia berjaya diaplikasikan sudah tentu sambutan dan kunjungan para jemaah akan terus bertambah dan meningkat dari semasa ke semasa.

#### 4.4: Kesimpulan

Berdasarkan kepada huraian yang dinyatakan jelas menunjukkan bahawa terdapat dua faktor utama iaitu faktor kemanusiaan dan faktor peralatan yang menjadi pemangkin untuk menyuntik minat dan kesedaran orang ramai hadir mengikuti pengajaran *tawhīd* di masjid-masjid. Kedua-dua faktor ini dianggap mampu menjana, merangsang dan menambat hati orang ramai untuk terus memberi sambutan terhadap perjalanan program ini. Malahan faktor berkenaan telah dikenalpasti menjadi pemangkin kepada kejayaan dan kegemilangan pengajaran *tawhīd* di daerah ini.

Selain daripada dua faktor penggalak dan pendorong seperti yang dibicarakan terdapat juga langkah-langkah positif yang perlu dilaksanakan oleh pengajar dan ahli jawatankuasa masjid terlibat bagi tujuan mengekalkan minat jemaah di samping menambah bilangan pengunjung baru. Antaranya mewujudkan komunikasi dua hala, kebolehan pengajar menggunakan alat bantuan mengajar secara berkesan serta ahli jawatankuasa yang mampu menjadi model contoh untuk ikutan orang ramai. Seandainya semua ciri ini dapat diaplikasikan secara sepadu dan berkesan sudah pasti ia berupaya menghidupkan kembali senario pengajaran dan perkembangan *tawhīd* secara berterusan. Malahan suasana pembelajaran *tawhīd* akan nampak lebih ceria dan diminati ramai.

Pemantapan dan pengukuhan pengajaran *tawhīd* akan lebih terserlah sekiranya pegawai daerah, kadi daerah, pegawai penyelaras pentadbiran masjid daerah dan pihak berkuasa kampung sanggup turun padang untuk memantau secara dekat perjalanan pengajaran ini. Sekiranya semua tahap dan peringkat mengambil perhatian serius terhadap pelaksanaan pengajaran *tawhīd* maka tiada lagi alasan munasabah yang dapat dikemukakan oleh orang ramai untuk terus meminggir diri daripada mengikutinya. Persoalannya sekarang terpulanglah kepada orang ramai untuk merebut peluang yang terbuka dan tidak hanya membiarkan begitu sahaja tanpa mendapat sebarang faedah.